

PROMOSI PELAN HLM TAKAFUL LEGACY

Terma & Syarat ("T&S")

*Dikemas kini pada 22 Mac 2021***TEMPOH PROMOSI**

1. **PROMOSI PELAN HLM TAKAFUL LEGACY** ("Promosi") Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (HLISB) bermula pada 27 April 2021 dan berakhir pada 30 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran promosi, bergantung kepada yang mana terdahulu ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada peserta (Pelanggan) Pelan HLM Takaful Legacy / Legacy Plus ("Pelan") yang diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful ("HLMT"), melalui mana mana cawangan Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau Hong Leong Bank ("HLB") semasa Tempoh Promosi.

KAEDAH PROMOSI

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah untuk layak mendapat hadiah penyertaan ("Ganjaran") dalam bentuk baucar tunai (atau apa bentuk baucar dengan nilai yang sama) dengan nilai seperti berikut:

Julat Sumbangan Tahunan Pertama	Nilai Baucar
RM5,000 - RM7,499	2% dari jumlah sumbangan
RM7,500 – RM9,999	3% dari jumlah sumbangan
RM10,000 and above	4% dari jumlah sumbangan

Syarat syarat adalah seperti berikut :-

- (a) Sumbangan untuk pelan mestilah secara tahunan sahaja
 - (b) Jumlah sumbangan tahunan pertama adalah tidak kurang dari Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja (RM5,000)
4. Untuk mengelakkan keraguan, bagi membolehkan Pelanggan menikmati Ganjaran di atas
 - (a) Pelanggan yang menjalankan hak tempoh bertenang tidak layak untuk mendapat Ganjaran. Butiran hak tempoh bertenang adalah seperti yang terkandung di dalam Helaian Pendedahan Produk dan/atau polisi sijil.
 - (b) Jumlah nilai Ganjaran untuk Promosi ini tidak boleh melebihi Ringgit Malaysia Seratus Ribu Ringgit sahaja (RM100,000), mana yang cepat didahulukan mengikut pada tarikh sijil takaful dikuatkuasakan oleh HLMT.
 5. Pelanggan yang telah melaksanakan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam 3 dan 4 di atas hendaklah dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak" untuk tujuan Promosi.
 6. Ganjaran akan diagihkan dalam tempoh 60 hari selepas 15 haribulan pada bulan berikutnya dari tarikh sijil takaful dikuatkuasakan, berdasarkan pada senarai yang disediakan dan disahkan oleh HLMT.
 7. Nilai baucar akan dibundarkan kepada RM10 yang paling hampir. Contohnya, RM612.50 akan menjadi RM610.

Ahli PIDM

8. Baucar yang tidak digunakan atau tidak ditebus selepas tarikh luput akan terbatal dan tidak akan diganti.
9. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi tersebut.

AM

10. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:
 - (a) terikat oleh T & S di sini;
 - (b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan.
11. HLISB berhak:
 - (a) untuk membatalkan Promosi dalam keadaan di mana terdapat pembalikan Pelanggan yang Layak atau penamatkan Tempoh Promosi pada setiap masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
 - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di dalamnya, sama ada secara mengikut budi bicara HLISB dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu;
 - (c) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Kakitangan atas sebab tidak mematuhi Terma dan Syarat yang mungkin bagi HLISB anggap sesuai untuk menyertai Promosi dengan memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu.
12. T & S di sini dan Terma dan Syarat Umum Akaun hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T & S khusus ini akan mengatasi percanggahan tersebut.
13. T & S akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.